

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ**

(RAUB)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a. mengapakah tidak satu pun pembiayaan projek oleh Pembinaan Private Finance Initiative (PPFI) diberi kepada ahli PKMM; dan
- b. syarikat apakah yang menerima pembiayaan terbesar dari Pembinaan Private Finance Initiative (PPFI).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle-SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan

pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek pembangunan dan program yang dikenalpasti oleh Kerajaan.

PPFI hanya berperanan mendapatkan dana dan kemudiannya disalurkan ke Akaun Amanah PFI di bawah kendalian Jabatan Akauntan Negara. Dana tersebut digunakan bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang telah dikenal pasti. Proses perolehan, pelaksanaan dan pemantauan termasuk pelantikan kontraktor bagi projek/program pembangunan melalui dana PFI ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian/Agensi yang terlibat mengikut prosedur perolehan Kerajaan sedia ada. Pelaksanaan projek-projek di bawah dana PFI ini adalah sama seperti projek Kerajaan sedia ada dan perbezaan hanya dari aspek pembiayaan, yang mana sumber dana diperolehi melalui PPFI dan bukannya peruntukan dibawah Belanja Pembangunan (DE).